



KEMELUT MENTERI BESAR SELANGOR: TAHNIAH KEPADA PEJUANG DEMOKRASI...DEMOKRASI MENANG, ISLAM KALAH!

Krisis Menteri Besar (MB) Selangor nampaknya sudah menghampiri penghujung walaupun masih belum mencapai titik noktah. Tan Sri Khalid Ibrahim yang asalnya berkeras tidak mahu melepaskan jawatan walaupun telah dipecat dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), akhirnya akur bahawa beliau sudah hilang sokongan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri apabila Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang bermesyuarat pada 17hb lepas memutuskan untuk menyokong Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai MB Selangor yang baru. Dalam mesyuarat Majlis Syura Ulama PAS yang dipengerusikan sendiri oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat sebelum itu telah membuat ketetapan untuk mengekalkan Khalid sebagai MB, namun mesyuarat kepimpinan PAS baru-baru ini ternyata memutuskan sebaliknya. Bagi para pemerhati yang celik politik, kemelut yang sudah memakan masa berbulan itu tidak mendatangkan keuntungan kepada rakyat sedikit pun dan ternyata hanya berputar di sekitar kepentingan parti/individu semata-mata. Isu ini tidak lebih merupakan salah satu bukti bahawa demokrasi yang kononnya dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat sebenarnya adalah dari parti, oleh parti, untuk parti!

Bolehkah Perempuan Menjadi Menteri Besar?

Antara persoalan penting yang gagal diketengahkan oleh parti/gerakan Islam dalam isu penggantian MB Selangor ini ialah kedudukan wanita sebagai MB, adakah ia dibenarkan oleh syarak? Namun demikian, *alhamdulillah* perbincangan ini berlaku pada segelintir kaum Muslimin yang masih mempunyai neraca Islam dan *alhamdulillah* ramai yang berpendapat perempuan tidak boleh menjadi pemimpin berdasarkan hadis "*Sekali-kali tidak akan pernah beruntung suatu kaum yang menyerahkan urusan (pemerintahan) mereka kepada seorang perempuan*". Malangnya ada pihak yang berpendapat sebaliknya dengan berkata pandangan sesetengah ulama yang merujuk hadis tersebut secara umum akan memberi sekatan kepada wanita terlibat dalam kepimpinan organisasi secara keseluruhannya. Hadis yang dijadikan hujah itu mempunyai teks dan konteksnya yang tersendiri iaitu isu anak perempuan Kisra Parsi yang menjadi maharani dan jika hadis ini dianggap terpakai secara umumnya, wanita bukan sahaja tidak boleh jadi MB, bahkan pengetua, ketua pejabat, pengarah, exco, senator, menteri dan seumpamanya juga tidak boleh, kata pendapat itu lagi.

Pendapat tersebut sebenarnya telah terkeliru dari kefahaman hadis yang sebenar. Hadis tersebut sebenarnya berbicara tentang kedudukan anak perempuan Kisra yang dilantik sebagai raja yakni pemerintah/penguasa. Di dalam Islam, penguasa wajib lelaki. Tidak boleh (haram) dan tidak sah jawatan penguasa sekiranya dipegang oleh seorang perempuan. Hadis dari Abi Bakrah ra. yang berkata, ketika sampai berita kepada Rasulullah SAW bahawa penduduk Parsi mengangkat anak perempuan Kisra sebagai raja (penguasa) mereka, maka baginda bersabda, "*Sekali-kali tidak akan pernah beruntung suatu kaum yang menyerahkan urusan (pemerintahan) mereka kepada seorang perempuan*" [HR al-Bukhari]. Pemberitahuan Rasul SAW yang menafikan keberuntungan bagi orang yang menyerahkan urusan pemerintahannya kepada seorang wanita merupakan larangan menyerahkan urusan tersebut kepada wanita, kerana itu termasuk lafaz *thalab* (tuntutan).

Hadis riwayat Bukhari ini menunjukkan bahawa Islam melarang dengan tegas perempuan menjadi penguasa negara. Sekalipun hadis itu datang dalam bentuk *khbar* (berita), namun kerana ia disertai dengan celaan ("*tidak beruntung*") maka ini merupakan bentuk larangan. Adapun penggunaan lafaz "*lan*" yang menunjukkan pengertian selamanya (*li al-ta'bid*) ini benar-benar telah menafikan keberuntungan dari mereka yang menjadikan perempuan sebagai penguasa negara. Dengan demikian, ini menjadi *qarinah* (indikasi) yang menunjukkan tuntutan meninggalkan secara *jazm* (tegas) yang membawa maksud haram. Oleh itu, mengangkat wanita menjadi *waliy al-amr* (pengurus urusan pemerintahan) hukumnya adalah haram.

Mengangkat wanita sebagai penguasa dalam pemerintahan bermaksud menjadikan wanita sebagai Khalifah (Ketua Negara) dan apa jua jawatan lain yang termasuk ke dalam jawatan pemerintahan. Ini kerana, objek pembahasan hadis tersebut adalah pengangkatan puteri Kisra sebagai raja, yang bererti pengangkatan tersebut khusus terkait dengan topik "pemerintahan", bukan sekadar menyangkut "peristiwa pengangkatan" puteri Kisra semata-mata. Hadis tersebut tidak bersifat umum dengan mencakup segala perkara yakni ia tidak mencakup masalah selain pemerintahan. Dengan kata lain hadis tersebut tidak mencakup masalah pengadilan/perundangan, majlis syura dan muhasabah, memilih penguasa dan lain-lain. Oleh itu, mengangkat wanita selain daripada jawatan yang terkait dengan pemerintahan, hukumnya *jaiz* (boleh).

Perlu difahami bahawa Islam membenarkan, malah mewajibkan perempuan berpolitik, sebagaimana lelaki. Namun Islam memberi batas tentang aktiviti politik perempuan, iaitu yang termasuk dalam aspek kekuasaan/pemerintahan. Dalam hal ini, apa yang dimaksud dengan aspek kekuasaan/pemerintahan adalah aspek pengaturan urusan umat yang dilakukan secara langsung dan menyeluruh seperti

menjadi Ketua Negara, *Muawwin Tafwidh* (pembantu Khalifah dalam urusan pemerintahan), *Wali* (ketua wilayah) dan *Amil* (ketua *imalah* – kawasan yang lebih kecil dari wilayah), *Qadhi Qudhat* (ketua qadhi) dan *Qadhi Madzalim*. Kesemua jawatan ini merupakan jawatan pemerintahan atau yang terkait langsung dengan pemerintahan yang tidak boleh disandang oleh wanita.

Perlu difahami juga bahawa larangan Islam ke atas wanita untuk memegang jawatan-jawatan ini bukannya bererti Islam mendiskriminasi atau merendahkan martabat wanita, kerana tinggi atau rendahnya martabat seseorang itu adalah bergantung pada takwanya, bukan status atau jawatannya. Sejarah telah mencatat bagaimana para wanita di masa Rasulullah (para sahabiyat) melakukan aktiviti dan perjuangan politik bersama-sama Rasulullah dan para sahabat tanpa memisahkan barisan mereka dari barisan Rasul dan sahabat baginda. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh isteri-isteri Rasulullah dalam perjuangan menegakkan Islam di muka bumi ini serta dukungan mereka terhadap perjuangan Rasulullah, sesungguhnya merupakan bukti nyata bahawa mereka melakukan aktiviti politik dan mereka meraih kemuliaan di sisi Allah dengannya.

Selain pihak yang terkeliru dengan konteks hadis di atas, ada juga pihak yang menyatakan perempuan boleh menjadi pemimpin berdasarkan Al-Quran dalam surah al-Naml yang memuji Ratu Saba' atau puteri Balqis. Kebijaksanaannya mengatasi menteri lelaki kerajaannya dan hasil kebijaksanaan itu membawanya beriman bersama Nabi Sulaiman. Ini adalah bukti kejayaan wanita menurut pendapat ini. Terdapat juga pendapat yang membolehkan wanita menjadi pemimpin yang disandarkan kepada perbuatan Umar Al-Khattab yang pernah melantik Syifa binti Abdillah sebagai menteri yang mengurus pasar di zamannya.

Kekeliruan pendapat di atas adalah kerana tidak memahami jawatan Syifa sebagai *Qadhi Hisbah* dan jawatan *Qadhi Hisbah* bukanlah jawatan pemerintahan atau jawatan yang terkait dengan pemerintahan. *Qadhi Hisbah* adalah qadhi yang bertugas memantau dan menyelesaikan perkara yang melibatkan hak-hak jamaah (orang ramai) dan ia bukanlah jawatan yang melibatkan pemerintahan, seperti halnya penipuan di pasar. Manakala kisah Ratu yang memimpin negeri Saba' tidak boleh sama sekali dijadikan dalil kerana ia adalah syariat orang-orang sebelum kita (*syar'u man qablana*) yakni syariat umat terdahulu (sebelum umat Muhammad) yang bukan menjadi syariat bagi kita (*laisa syar'allana*). Kisah Ratu Saba' tersebut bukannya nas yang menjadi hukum ke atas kita atau dengan kata lain ia tidak boleh digunakan sebagai dalil dalam penetapan hukum syarak ke atas umat Muhammad. Hal ini sebagaimana syariat Nabi lain yang tidak berlaku bagi umat Muhammad, misalnya keharaman lemak lembu dan kambing bagi umat Nabi Musa, tapi bagi umat Muhammad (orang Islam) hukumnya boleh, larangan menangkap ikan pada hari Sabtu, membunuh diri sebagai taubat dan seumpamanya.

Syar'u man qablana laisa syar'allana kerana syariat sebelum kita itu telah terhapus sebagaimana firman Allah, "*Dan Kami telah turunkan kepadamu al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu. Maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, kami berikan aturan dan jalan yang terang*" [TMQ al-Maidah (5):48]. Setiap Nabi didatangkan dengan syariatnya yang tersendiri yang Allah telah tetapkan ke atas mereka. Setelah datangnya Islam, apa yang wajib kita ikuti ialah syariat Muhammad semata-mata manakala syariat umat terdahulu tetap menjadi *ibrah* (pengajaran) bagi kita sebagaimana firman Allah, "*Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal*" [TMQ Yusuf (12):111]. Oleh itu, kedudukan Ratu Saba' sebagai penguasa di zamannya bukan merupakan syariat bagi kita sehingga boleh dijadikan *istidlal* (sandaran dalil) bolehnya perempuan menjadi penguasa kerana yang wajib kita ikuti ialah syariat Nabi Muhammad SAW yang telah mengharamkan perempuan menjadi penguasa melalui hadis baginda.

Adapun untuk jawatan-jawatan pemerintahan yang tidak termasuk *wilayatul amri/wilayatul hukm* (bidang kekuasaan), maka diperbolehkan bagi wanita untuk memegangnya seperti jawatan ketua *Baitul Mal*, ketua Jabatan Kesihatan, ketua Jabatan Pendidikan, ketua Jabatan Pertanian, Perdagangan, Dekan/Rektor Perguruan Tinggi, Pengetua Sekolah, Ketua Hospital dan sebagainya. Selain itu, perempuan juga boleh menjadi anggota Majlis Wilayah, anggota *Majlis Ummah*, *Qadhi Khusumat* (qadhi yang menyelesaikan perselisihan antara rakyat) dan *Qadhi Hisbah*. Semua jawatan berkenaan bukanlah jawatan pemerintahan dan tidak termasuk dalam larangan hadis Rasulullah di atas. Adapun jawatan sebagai Menteri Besar, ia jelas termasuk dalam jawatan pemerintahan (di peringkat negeri) dan jawatan ini haram dipegang oleh wanita! Lebih dari itu, kita bukan sekadar menyatakan keharaman wanita memegang jawatan MB, malah mana-mana lelaki yang memegang jawatan yang sama juga tidak ada bezanya. Ini kerana, MB merupakan jawatan yang "disediakan" oleh sistem demokrasi, bukannya jawatan berdasarkan sistem Islam! Apa yang wajib menjadi pegangan kita ialah Islam semata-mata (100%) dan bukannya Islam yang dicampur adukkan dengan demokrasi!

Tahaluf Dan Peranan Parti Politik Dalam Islam

Peranan parti politik dalam Islam adalah untuk mengajak manusia kepada Islam dan melakukan amar makruf nahi mungkar, sebagaimana firman Allah SWT, "*Dan hendaklah ada di kalangan kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (Islam) dan menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar. Merekalah orang-orang yang beruntung*" [TMQ Ali Imran (3):104]. Inilah kewajipan parti politik/gerakan Islam. Malangnya, kewajipan ini sering dilalaikan oleh parti/gerakan Islam apabila mereka menjebakkan diri dalam demokrasi, malah acap kali apa yang mereka lakukan adalah

sebaliknya yakni menyeru kepada sistem kufur (demokrasi) dan melakukan amar mungkar nahi makruf. Demokrasi sering membutuhkan mata gerakan Islam. Keputusan berdasarkan majoriti dilihat sebagai keputusan yang baik dan Islami walaupun hakikatnya bertentangan dengan Islam. Segala-galanya mesti berdasarkan majoriti. Untuk melantik penguasa (termasuk Menteri Besar), maka "wajib" ikut suara majoriti dan untuk memecatnya juga wajib mengikut suara majoriti.

Begitu juga dengan tahaluf siyasi dengan orang kafir dan orang sekular yang jelas diharamkan oleh Islam, namun tetap dimasuki oleh parti/gerakan Islam kerana demokrasi membenarkannya. Berkongsi kuasa dengan orang kafir juga diharamkan oleh Islam tetapi tetap sahaja dilakukan oleh parti/gerakan Islam kerana ia dibenarkan oleh demokrasi. Membenarkan, apatah lagi redha dengan orang kafir dan orang sekular menjadi penguasa yang mana kita tahu bahawa mereka ini sudah pasti tidak akan berhukum dengan hukum Allah, adalah diharamkan oleh Islam. Namun, demokrasi membenarkan semua ini. Justeru kita menyaksikan tidak sedikit parti/gerakan Islam yang terjerumus dalam demokrasi melakukan segala keharaman ini, malah mereka bergembira dengannya, apatah lagi setelah keputusan mengenainya dicapai mengikut suara majoriti. Hukum Islam sudah tidak lagi diperhatikan dan diganti dengan hukum majoriti. Maka tidak hairanlah berapa banyak dari parti/gerakan Islam yang bertahaluf dengan parti kafir/sekular yang asal *nawaitunya* ingin mengajak orang kafir/sekular mengikut petunjuk Islam, alih-alih, parti/gerakan Islam itu yang sebaliknya mengikut petunjuk sekutu mereka itu. Mereka bukan sahaja terus hanyut dalam keharaman, malah seolah-olah tidak sedar yang hal itu memakan diri mereka sendiri dan maruah perjuangan mereka telah tercalar dan tergadai dengannya.

Sesungguhnya Islam mengharamkan wanita menjadi penguasa manakala demokrasi membenarkannya. Sama sebagaimana Islam mengharamkan riba manakala demokrasi membenarkannya. Islam mengharamkan judi manakala demokrasi membenarkannya. Islam mewajibkan penganutnya menutup aurat manakala demokrasi membenarkan aurat dibuka. Pendek kata Islam mengharamkan umatnya mengambil dan menerapkan hukum selain Islam tetapi demokrasi membenarkan segala-galanya. Semua yang diharamkan oleh Islam boleh dilakukan di dalam demokrasi kerana demokrasi berpegang kepada hukum majoriti. Apa sahaja yang diluluskan oleh majoriti, maka ia menjadi hukum yang wajib ditaati. Justeru, walaupun Islam telah mengharamkan wanita menjadi penguasa, namun oleh sebab demokrasi membenarkan dan jika suara majoriti telah memutuskan demikian, maka tidak ada apa (termasuk Islam) yang dapat menghalangnya lagi. Melalui hukum majoriti, demokrasi boleh dan sentiasa dapat mengalahkan Islam, termasuklah di dalam menyelesaikan kemelut MB Selangor ini. Maka untuk kalian wahai para pejuang demokrasi, sekalung tahniah diucapkan kepada anda kerana anda telah menang dalam perjuangan anda. Dengan demokrasi yang anda ambil, anda telah berjaya mengalahkan Islam! Seorang perempuan dapat menjadi MB atas nama demokrasi dan suara majoriti yang anda berhukum dengannya itu!

Khatimah

Kepada para pejuang Islam yang masih mempunyai walau secebis keikhlasan! Renungkanlah dengan penuh keimanan, bukan dengan kemaslahatan, sudah berapa lama kalian tertipu dengan demokrasi, namun kalian masih rela dipatuk dari lubang yang sama berkali-kali? Apa lagi yang kalian cari? Kalian inginkan Negara Islam, kalian ingin menegakkan agama Allah dan kalian ingin melihat rahmat Allah terpancar ke seluruh alam...dan kalian tahu bahawa kalian tidak akan dapat mencapai semua itu melalui demokrasi. Kalian tahu yang kalian tidak akan dapat meraih semua itu melalui jalan tahaluf dengan orang-orang kafir dan sekular. Cukuplah kalian cuba berpura-pura dan meyakinkan diri sendiri bahawa kalian akan berjaya. Sesungguhnya kejayaan adalah apabila kalian berjuang di jalan yang benar, jalan yang ditunjukkan dan diredhai oleh Allah dan RasulNya. Justeru, beralihlah kepada perjuangan Islam yang sebenar. Beralihlah kepada perjuangan menegakkan syariah dan Khilafah melalui *thariqah* (jalan) yang ditunjukkan oleh Nabi kalian. Itulah satu-satunya jalan yang benar.